

KUALITI AIR TASIK CHINI DIKATEGORI BERSIH

KUANTAN, 10 JUN 2021: Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pahang mengesahkan kualiti air di Tasik Chini berada pada tahap bersih berdasarkan pemantauan yang dilaksanakan pihaknya sejak 2005 sehingga kini.

JAS dalam satu kenyataan berkata, terdapat 15 stesen pemantauan kualiti air Tasik Chini di lokasi yang ditetapkan dengan kekerapan pemantauan sekali sebulan di setiap stesen.

“Tasik Chini yang dianugerahkan status Rizab Biosfera oleh UNESCO pada Mei 2009 di bawah program Manusia dan Biosfera yang dikoordinasi oleh Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) mempunyai 15 stesen pemantauan kualiti air di lokasi-lokasi yang ditetapkan

“Empat parameter utama yang diukur ialah Keperluan Oksigen Biokimia (BOD), Pepejal Terampai (SS), Nitrogen Amonia (AN) dan Besi (Fe),” kata kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu lagi, secara umumnya didapati bahawa data kualiti air bagi tahun 2020 sehingga Mac 2021 menunjukkan kualiti air Tasik Chini dalam kategori bersih.

“Tahun lalu bacaan purata bagi empat parameter ialah BOD = 1.99 mg/l yang berada pada Kelas 2 dengan sub-indeks 92, SS = 6.95 mg/l yang berada pada Kelas 1 dengan sub-indeks 94 dan AN = 0.02 mg/l yang berada pada Kelas 1 dengan sub-indeks 99.

“Tahun ini pula sehingga Mac lalu bacaan purata bagi empat parameter ialah BOD = 1.99 mg/l yang berada pada Kelas 2 dengan sub-indeks 92, SS = 8.93 mg/l yang berada pada Kelas 1 dengan sub-indeks 92 dan AN = 0.05 mg/l yang berada pada Kelas 1 dengan sub-indeks 95,” katanya.

Kenyataan itu turut menjelaskan bahawa parameter Fe atau besi pada 2020, purata bacaan adalah 2.54 mg/l yang menunjukkan trend menurun berbanding tahun sebelumnya 3.81mg/l.

“Namun, purata bacaan bagi tiga bulan pertama tahun ini menunjukkan trend meningkat kepada 3.6 mg/l. Peningkatan berlaku pada Februari lalu yang disebabkan faktor hujan lebat tetapi bacaan menurun pada Mac.

“Ujian in-situ yang dijalankan di dua lokasi di Tasik Chini, semalam mendapati parameter Oksigen Terlarut (DO) adalah 4.2 mg/l hingga 4.7 mg/l, kekeruhan sebanyak 9.6 NTU hingga 15.8 NTU dan PH antara 6.04 hingga 6.67,” menurut kenyataan itu.

Jelas kenyataan itu lagi, JAS Pahang dengan kerjasama Kolej Matrikulasi Pahang telah mengeluarkan Profil Kualiti Air Tasik Chini bagi tahun 2016 hingga Oktober 2020.

“Profil berkenaan boleh dirujuk oleh orang ramai di pejabat JAS Pahang. Kesimpulannya, kualiti air di Tasik Chini adalah pada tahap bersih dan selamat untuk semua hidupan terutama hidupan air di dalamnya,” kata kenyataan itu. –

PAHANGMEDIA

Disediakan oleh Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP)

#MajuTerusPahang

#Pahang1st

#KerajaanNegeriPahang

#PahangGo

(LIPUTAN BERGAMBAR)

